

16 NOV 2000

APEC-ISTIREHAT

PEMIMPIN APEC MULA MESYUARAT ISTIREHAT

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Nov (Bernama) -- Para pemimpin ekonomi APEC yang segar dengan kemeja sutera biru berlengan panjang, memulakan mesyuarat istirehat mereka di Kelab Polo Jerudong dekat sini untuk berdialog secara tidak rasmi mengenai usaha-usaha untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dalam rantau Asia Pasifik.

Pada kemeja mereka, terdapat jalur songket emas di sebelah kanan, sementara di sebelah kiri, terdapat logo APEC 2000 dengan 21 batang putih di bawahnya.

Sebelum mesyuarat itu, para pemimpin menandatangani Naskah Gulungan APEC di Pavilion DiDaja kelab berkenaan, dan berlagak untuk fotografi berkumpul di Dewan Keraian, tempat di mana mesyuarat itu diadakan.

Para pemimpin dijadualkan akan bersiar-siar di jalan masuk kelab itu pada tengah hari ini.

Pada akhir istirehat ini, Deklarasi 2000 APEC akan dikeluarkan sebelum para pemimpin mula beredar pulang atau ke destinasi-destinasi lain.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan akan mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Russia Vladimir Putin, sebaik sahaja acara Pembacaan Deklarasi Pemimpin tamat di kelab yang sama.

Anggota forum APEC atau Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik terdiri dari Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

Malaysia menjadi tuan rumah mesyuarat dan sidang kemuncak APEC pada 1998. Tahun lepas Auckland menjadi tuan rumah sementara pada tahun depan, ia akan diadakan di Shanghai. -- BERNAMA

AFY MR JR